



SIARAN MEDIA

Media Release

INDEKS HARGA PENGGUNA

Consumer Price Index

(Jan 2010=100)

APRIL 2018



**SIARAN MEDIA
JABATAN PERANCANGAN DAN KEMAJUAN EKONOMI
JABATAN PERDANA MENTERI**

**TAJUK UTAMA: INDEKS HARGA PENGGUNA (IHP) MENINGKAT SEBANYAK 0.4 PERATUS
PADA BULAN APRIL 2018**


1. Indeks Harga Pengguna (IHP) bagi bulan April 2018 meningkat sebanyak 0.4 peratus tahun-ke-tahun berbanding dengan bulan April 2017. Harga Makanan dan Minuman Ringan mencatatkan peningkatan sebanyak 2.5 peratus tahun-ke-tahun. Manakala, harga Bukan Makanan mencatatkan penurunan sebanyak 0.1 peratus tahun-ke-tahun.
2. Peningkatan IHP bagi bulan April 2018 sebahagian besarnya adalah disebabkan oleh peningkatan harga Makanan dan Minuman Ringan (2.5 peratus); Pendidikan (1.8 peratus); dan Pelbagai Barangan dan Perkhidmatan (1.2 peratus). Walau bagaimanapun, ianya diimbangi oleh penurunan harga Pakaian dan Kasut (3.4 peratus); Hiasan, Peralatan Isi Rumah dan Penyelenggaraan Rutin Isi Rumah (1.2 peratus); dan Perumahan, Air, Elektrik, Gas dan Bahan Api Lain (0.7 peratus).
3. Harga Makanan dan Minuman Ringan meningkat berikutan peningkatan harga minuman ringan selaras dengan pengemaskinian beberapa kadar duti import dan eksais di bawah Perintah Duti Import Kastam 2012 dan Perintah Duti Eksais 2012 yang berkuatkuasa mulai 1 April 2017. Manakala, peningkatan kos Pendidikan mengambilkira kadar yuran sekolah rendah dan menengah swasta yang terpilih. Peningkatan harga Pelbagai Barangan dan Perkhidmatan pula adalah disebabkan oleh peningkatan bagi harga beg dan barangan perjalanan.
4. Bagi perubahan bulan-ke-bulan, IHP bagi April 2018 menurun sebanyak 0.6 peratus berbanding dengan bulan Mac 2018. Indeks Harga Makanan dan Minuman Ringan serta Bukan Makanan masing-masing mencatatkan penurunan sebanyak 0.6 peratus.

5. IHP mengukur perubahan harga barangan dan perkhidmatan yang dibayar oleh pengguna dalam satu tempoh masa yang ditetapkan dan dikumpulkan setiap bulan. Senarai barangan dan perkhidmatan dalam IHP adalah berdasarkan maklumat perbelanjaan purata sebuah keluarga yang diperolehi melalui Kajian Perbelanjaan Keluarga. Laporan penuh IHP bagi bulan April 2018 boleh didapati melalui laman web JPKE: www.depd.gov.bn.

INDEKS HARGA PENGGUNA (2010 = 100)

Divisyen	Kewajaran (%)	Indeks	Perubahan (%)	
		April 2018	April 2018 / April 2017	April 2018 / Mac 2018
INDEKS KESELURUHAN	100.0	99.1	0.4	-0.6
Makanan dan Minuman Ringan	19.1	101.6	2.5	-0.6
Pakaian dan Kasut	4.2	90.2	-3.4	-1.1
Perumahan, Air, Elektrik, Gas dan Bahan Bakar Lain	11.1	96.2	-0.7	-0.6
Perhiasan, Peralatan Isi Rumah dan Penyelenggaraan Rutin Isi Rumah	11.0	94.6	-1.2	-0.4
Kesihatan	1.3	99.1	1.0	-0.5
Pengangkutan	18.8	97.3	0.2	-1.5
Perhubungan	6.0	100.3	1.0	-0.03
Rekreasi dan Kebudayaan	9.1	98.8	-0.3	-0.1
Pendidikan	3.9	110.8	1.8	0.0
Restoran dan Hotel	8.9	102.9	0.2	0.01
Pelbagai Barangan dan Perkhidmatan	6.5	101.8	1.2	0.2

Perubahan Tahun Ke Tahun Indeks Harga Bagi April 2017 Hingga April 2018





MEDIA RELEASE
DEPARTMENT OF ECONOMIC PLANNING AND DEVELOPMENT
PRIME MINISTER'S OFFICE

**HEADLINE: CONSUMER PRICE INDEX (CPI) INCREASED BY 0.4 PER CENT
IN APRIL 2018**

1. *The Consumer Price Index (CPI) in April 2018 increased by 0.4 per cent year-on-year compared to April 2017. The Food & Non-Alcoholic Beverages prices increased by 2.5 per cent, while the Non-Food prices decreased by 0.1 per cent year-on-year.*
2. *The CPI increase in April 2018 was mainly due to an increase in prices of Food & Non-Alcoholic Beverages (2.5 per cent); Education (1.8 per cent); and Miscellaneous Goods & Services (1.2 per cent). However, this was moderated by the decrease in prices of Clothing and Footwear (3.4 per cent); Furnishings, Household Equipment and Routine Household Maintenance (1.2 per cent); and Housing, Water, Electricity, Gas and Other Fuels (0.7 per cent).*
3. *The Food & Non-Alcoholic Beverages prices increased following the rise in prices of soft drinks in line with the implementation of the Customs Import Duties (Amendment No 2) Order, 2017 and Excise Duties (Amendment No 2) Order, 2017 on April 1, 2017. Meanwhile, the increase in the cost of Education took into account the increase in school fees of primary and secondary education in selected private schools. The increase in prices of Miscellaneous Goods & Services was due to the rise in prices of travel goods and bags.*
4. *On a month-a-month basis, the CPI in April 2018 decreased by 0.6 per cent compared to March 2018. The Food and Non-Alcoholic Beverages Index as well as Non-Food Index both recorded decreased by 0.6 per cent.*
5. *The CPI is a measure of price changes of goods and services paid by the consumer in a specified period and compiled on a monthly basis. The list of goods and services in the CPI is based on the average expenditure per household from the Household Expenditure Survey (HES). The CPI full report for April 2018 is available from DEPD's website: www.depd.gov.bn*

CONSUMER PRICE INDEX (2010 = 100)

Divisions	Weights (%)	Index	Change (%)	
		April 2018	April 2018 / April 2017	April 2018 / Mar 2018
OVERALL INDEX	100.0	99.1	0.4	-0.6
Food & Non-Alcoholic Beverages	19.1	101.6	2.5	-0.6
Clothing & Footwear	4.2	90.2	-3.4	-1.1
Housing, Water, Electricity, Gas & Other Fuels	11.1	96.2	-0.7	-0.6
Furnishings, Household Equipment & Routine Household Maintenance	11.0	94.6	-1.2	-0.4
Health	1.3	99.1	1.0	-0.5
Transport	18.8	97.3	0.2	-1.5
Communication	6.0	100.3	1.0	-0.03
Recreation & Culture	9.1	98.8	-0.3	-0.1
Education	3.9	110.8	1.8	0.0
Restaurants & Hotels	8.9	102.9	0.2	0.01
Miscellaneous Goods & Services	6.5	101.8	1.2	0.2

Yearly Changes in Price For April 2017 Until April 2018

